

UMS lahir bakat berkualitas

BH 9-1-2014 VII

Kota Kinabalu: Program Malam Apresiasi Naskhah anjuran Kelab Rakan Sastera Mahasiswa (KARMA), Universiti Malaysia Sabah (UMS) berupaya melahirkan pelajar berbakat dalam persembahan seni khususnya bidang penulisan, teater, tarian, muzik dan visual.

Pensyarah Sekolah Pengajian Seni, UMS, Lokman Abdul Samad berkata, kemampuan KARMA dalam mengendalikan pelbagai aktiviti bukan hanya terbatas pada peringkat universiti semata-mata, sebaliknya luar kampus bagi menarik minat masyarakat mendekati KARMA sebagai platform ilmu sastera dan seni.

"KARMA antara kelab di Sekolah Pengajian Seni yang aktif melakukan perubahan dan pembaharuan aktiviti

bagi mencungkil bakat baharu sekali gus memantapkan mutu seni negara.

Pengkhususan penulisan

"Ahli tetapnya ialah daripada pelajar pengkhususan penulisan selain pelajar dari sekolah lain yang berminat dalam sastera," katanya pada program Malam Apresiasi Naskhah di Theatre Ahmad Nisfu, UMS, baru-baru ini.

Lokman berkata, program berkenaan merupakan satu daripada inisiatif ahli KARMA menyatukan golongan pengamal seni selain menarik perhatian agensi kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka bagi menjalinkan kerjasama melaksanakan program kemasyarakatan.

“

**KARMA ANTARA
KELAB DI SEKOLAH
PENGAJIAN SENI
YANG AKTIF
MELAKUKAN
PERUBAHAN DAN
PEMBAHARUAN”**

**Encik Lokman Abdul
Samad**

*Pensyarah Sekolah Pengajian
Seni UMS*



Ahli KARMA mempersembahkan bakat masing-masing pada program Malam Apresiasi Naskhah UMS, baru-baru ini.